
SEKOLAH KONDUSIF GURU INOVATIF

Masyarakat masa kini selalu dilaungkan dengan slogan 'Budaya Kreatif dan Inovatif'. Berbagai bentuk program telah dijalankan seperti Program Rakan Reka Cipta, Ekspo Reka Cipta Pelajar dan lain-lain lagi untuk mencungkil bakat dan kebolehan pelajar menghadapi zaman yang makin mencabar. Ini dapat memberi peluang seluas-luasnya untuk melahirkan idea serta merakamkan minda kreatif dan inovatif mereka.

Tema Hari Guru pada tahun 1993 adalah 'Guru Inovatif dan Kreatif Menjayakan Wawasan'. Ia dihasilkan untuk menegaskan kepada guru-guru supaya menilai semula usaha mereka sebelum ini adalah sia-sia atau sebaliknya kerana sebagai seorang guru, kita patut sentiasa merancang secara bijaksana, melaksanakan secara berhikmah tugas mendidik supaya hasil yang diharapkan setimpal dengan penat lelah guru.

KONSEP KREATIF DAN INOVATIF

Kreatif membawa maksud kebolehan mencipta, mengembangkan idea yang bersifat baru dan asli (Leo Ann Mean, 1994). Inovasi pula bermaksud idea, amalan atau bahan yang boleh membawa pembaharuan kepada

seseorang individu atau sistem sosial (Yusup,1994). Daya kreatif memerlukan kebebasan mencuba kaedah baru, kebebasan membuat keputusan, kebebasan menggunakan alat bantu mengajar dan kebebasan menentang pandangan tradisi. Walau bagaimanapun, kebebasan itu ada hadnya dan ianya mestilah sesuatu yang tidak menentang Dasar Pendidikan Negara.

SUASANA PENTADBIRAN

Pemimpin-pemimpin pendidikan khususnya pengetua sekolah tidak akan berjaya menimbulkan daya kreatif dalam kalangan guru-guru dengan hanya meminta mereka berbuat demikian atau cuma memberi kebebasan kepada mereka. Seseorang pentadbir hendaklah mempunyai satu saluran operasi yang boleh membuka jalan kepada daya kreatif dan inovatif guru-guru. Antaranya :

- 1) Seseorang itu perlu mempunyai matlamat tertentu dalam hidupnya termasuk perasaan komited terhadap tugasnya. Beliau menjaga dan menghargai peluang-peluang yang ada bagi memperkayakan pengalaman sendiri.
- 2) Seseorang itu bersedia untuk mengambil risiko. Dalam soal ini, beliau dibantu oleh keyakinan dan kepercayaan kepada dirinya sendiri.



- 3) Seseorang itu mempunyai pemikiran yang terbuka dan sentiasa peka untuk menerima maklumat baru dan melihat sesuatu itu daripada perspektif yang baru.
- 4) Seseorang itu menceburkan diri sepenuhnya kepada sesuatu masalah itu.
- 5) Seseorang itu mempunyai kesedaran penuh terhadap prosesnya. Beliau sistematik dalam tugasnya, menganalisis langkah-langkah dan mencatatkan segala perkembangannya.

Pengetua sekolah boleh memainkan peranan dengan menggalak dan menerima idea-idea baru daripada guru-guru. Hanya dengan galakan dan sokongan pengetua sajalah guru-guru dapat memperkembangkan daya kreatif dan inovatif mereka. Pengetua mempunyai fungsi dan tanggungjawab dalam membentuk atau mewujudkan suasana pentadbiran dan profesional yang mencabar dan terjamin. Untuk tujuan itu pengetua hendaklah memikirkan kriteria baru dalam cara melaksanakan tugas di sekolah.

SUASANA SEKOLAH YANG MENG GALAKKAN KREATIF DAN INOVASI

Tugas Guru Yang Profesional

Guru yang profesional menunjukkan komitmen yang tinggi bagi perkembangan diri secara kreatif dalam semua bidang. Guru harus menunjukkan minat dan bangga dengan



kedudukannya sebagai pemimpin pendidikan. Kualiti profesionalisme yang ada di sekeliling guru memainkan peranan penting dalam menentukan sikap, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru. Dalam konteks ini, pengetua mempunyai peranan utama dalam membentuk persekitaran yang semua guru menganggap bahawa tugas mereka penting. Iklim pentadbiran dan hubungan pengetua dengan guru akan menentukan suasana yang baik dan sesuai bagi pertumbuhan daya kreatif. Adalah penting juga untuk guru-guru mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Guru-guru patut diberi peluang untuk menentukan cara bekerja yang sesuai. Guru-guru mengharapkan pemimpin khususnya pengetua untuk mengagihkan tugas secara saksama dan adil. Tanpa pengagihan tugas dan tanggungjawab yang adil, bekerja dalam sebuah organisasi seperti sekolah akan hanya mewujudkan halangan-halangan kepada daya kreativiti.

Perasaan Selamat Guru-guru

Iklim psikologi perlu sesuai dalam menyemai daya kreatif, agar dapat memenuhi keperluan keselamatan daripada sebarang risiko akibat daripada tindakan yang diambil. Guru-guru tidak akan berani meneroka cara baru dalam pengajaran jika tidak ada jaminan ini. Jika mereka diberi kepercayaan, mungkin mereka mahu mencuba dan berusaha bersungguh-sungguh. Dengan itu, kebebasan untuk mencipta sesuatu yang baru itu hendaklah diikuti dengan



emosi yang stabil dan perasaan berani.

Tunjukkan Penerimaan

Perasaan diterima oleh pengetua adalah salah satu syarat kepada jaminan yang diharapkan oleh guru sebelum mereka mencuba sesuatu kaedah yang kreatif. Penerimaan ialah istilah yang menjelaskan sikap kesediaan mendengar, meneliti dan seterusnya menimbang fakta-fakta. Sikap pentadbir yang suka mendengar dan tidak terus menolak idea-idea yang baru, akan menyebabkan guru merasa mereka 'diterima'.

Pupukkan Harmoni Kalangan Kakitangan

Dokongan yang kuat menggalakkan pemupukan idea-idea baru yang memberi perangsang disamping mewujudkan perasaan selamat kepada guru. Keharmonian dalam mencari kebenaran diperlukan untuk memperkembangkan idea kreatif kalangan guru-guru. Keadaan dan suasana bilik guru yang berpuak-puak akan menimbulkan akibat yang tidak baik. Walaupun pada lahirnya guru ini bekerja dalam satu pasukan, tetapi sebenarnya mereka tidak bersatu dari segi jiwa dan semangat.

Mewujudkan Peluang-peluang Bagi Pembelajaran Guru

Perkara pokok dan utama dalam pertumbuhan daya kreatif ialah idea untuk menggerakkan seseorang ke arah



itu. Hal ini tidak berlaku sekiranya pemikirannya buntu, pengetahuannya terhad dan pengalaman sempit. Dengan terbukanya pemikiran seseorang itu, ia akan meneroka ke alam baru, mencari maklumat dan seterusnya mencipta kaedah-kaedah yang baru.

Selain daripada pembacaan yang berterusan dan meluas, guru-guru boleh menimba ilmu dan mencari idea melalui seminar atau bengkel yang dijalankan untuk guru-guru. Pengetua sendiri boleh mengumpulkan fakta-fakta yang menimbulkan persoalan atau menugaskan seorang guru bagi merangka dan mengadakan inkuiri. Apabila pemikiran mereka digalakkan untuk mempersoalkan persepsi yang wujud, pintu akan terbuka luas untuk melihat idea-idea yang belum disentuh.

Mewujudkan Peluang Untuk Membuat Keputusan

Daya kreatif memerlukan penglibatan yang tulen dan secara menyeluruh. Kepada guru, ini bererti bahawa penglibatan dalam membuat keputusan penting untuk menstrukturkan persekitaran yang sesuai bagi pembelajaran. Menyusun dan merangka peluang-peluang pembelajaran adalah fokus utama guru-guru dan bagi membolehkan idea kreatif wujud, maka wajar sekali mereka diberi autonomi dalam membuat keputusan.

Oleh kerana seseorang guru itu bertugas dalam sesebuah organisasi, sudah semestinya beliau terikat dengan peraturan-peraturan tertentu. Pengetua hendaklah memberi



sedikit kelonggaran dalam membuat keputusan supaya guru dapat memperkembangkan daya kreatifnya.

Peluang Menggunakan dan Mempelajari Bahan Sumber

Pendedahan kepada peralatan terkini akan menggalakkan daya kreatif dalam pengajaran. Alat-alat baru akan mengubah cara murid-murid belajar. Penyediaan sesi latihan dengan menggunakan bahan atau peralatan baru dan lama dapat menimbulkan idea-idea baru dalam kalangan murid.

Jika seseorang guru itu sedang berusaha mempertingkatkan daya kreatif dalam pengajarannya, maka timbul keperluan untuk menggunakan peralatan dan bahan yang tidak boleh dijangkakan. Pengetua hendaklah bersedia pada setiap masa untuk cuba menyediakan bahan-bahan tersebut atas permintaan guru yang kadang-kadang datang secara mendadak.

Menggalakkan Penilaian Bersama

Seseorang guru itu tidak sepatutnya berpuashati dengan apa yang telah dihasilkannya. Ia sebaliknya sentiasa menilai untuk sentiasa berkembang. Dalam proses ini beliau memerlukan pandangan orang lain juga untuk mengetahui bagaimana sesuatu hasil itu dapat diperbaiki agar menjadi lebih baik lagi. Apa yang perlu adalah satu bentuk perbincangan yang informal kerana guru lebih selesa dengan keadaan ini.



Motivasi

Pengetua perlu mampu dapat memotivasikan stafnya dengan strategi yang lebih kreatif. Motivasi merupakan alat penting bagi seseorang pengetua untuk menggerakkan guru-gurunya. Pujian yang sesuai harus diberi apabila perlu.

Melaporkan Kepada Sekolah dan Masyarakat

Apabila sesuatu idea yang kreatif dibuktikan berkesan untuk dilaksanakan, maka idea baru ini diperluaskan kepada guru-guru lain. Sekiranya idea ini diterima baik oleh rakan sejawat, maka idea ini perlu dihebahkan kepada sekolah lain untuk dicuba bersama. Seterusnya satu bentuk laporan dalam jurnal akan memberi kepuasan yang lebih kepada guru itu.

Keceriaan Persekitaran Sekolah

Kadang-kadang persekitaran sekolah akan membawa 'mood' yang baik dan ketenangan pada diri seseorang itu. Pengetua yang menjaga keceriaan sekolahnya akan menggalakkan percambahan pemikiran guru-gurunya. Tambahan pula jika pengetua tersebut menggalakkan idea untuk membuat arca-arca, kolam-kolam ikan, pancutan air atau rekaan-rekaan yang menarik di kawasan sekolahnya. Dalam keadaan ini, guru yang berminat akan terus menyumbangkan ideanya untuk mencantikkan lagi kawasan sekolah.



PENUTUP

Dunia pendidikan masa kini memerlukan pembaharuan dan perubahan. Ini dapat mengelakkan sekolah itu berada pada tahap lama. Wawasan yang dilaungkan oleh pemimpin kita meminta semua rakyatnya mencipta sesuatu untuk dirinya dan masyarakatnya supaya kita akan sentiasa bergerak ke hadapan. Jika setiap rakyat Malaysia dapat memanfaatkan anugerah yang diberikan Tuhan iaitu potensi menjadi kreatif dengan mengenepikan semua sifat malas dan negatifnya, pasti segala apa yang diimpikan menjelang tahun 2020 akan tercapai.

Dalam mencipta sesuatu yang baru ini, pemimpin haruslah peka dengan suasana persekitaran individu itu untuk menggalakkan percambahan fikiran.

